

20 DEC 1996
Guinea-Kedutaan
KEDUTAAN GUINEA DI KL DIBUKA DENGAN RASMI

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Kedutaan Guinea di sini -- yang pertama di Asia Tenggara dan ketiga di Asia selepas di China dan Jepun -- dibuka dengan rasmi malam ini.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi diberi penghormatan merasmikan kedutaan itu di Jalan Ampang Hilir, di sini.

Dalam ucapannya, Abdullah berharap pembukaan kedutaan Guinea di sini dan diikuti Kedutaan Malaysia di Conakry tahun depan, akan mempercepatkan pelaksanaan projek dan program yang telah dipersetujui oleh kedua-dua negara.

Menteri Sumber Asli dan Menteri Tenaga Guinea, Fassine Fofana, yang sedang dalam rangka lawatan ke sini, juga merupakan tetamu kehormat pada majlis itu.

Malaysia sedang menguruskan pembukaan kedutaannya di Conakry bagi meningkatkan hubungan dengan Guinea, yang diluluskan oleh Kabinet baru-baru ini.

Duta Guinea ke Malaysia, Ibrahima Sory Camara, dalam ucapannya pula berkata hubungan Malaysia-Guinea merupakan contoh baik kerjasama Selatan-Selatan.

Presiden Guinea, Lansana Conteto, melawat Malaysia pada September tahun lepas dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengunjungi negara itu pada Oktober lepas.

Guinea terletak di perairan Atlantik di Afrika Barat dan berjiran dengan Guinea-Bissau, Senegal dan Mali di Utara, Cote d'Ivoire di Timur dan Liberia di Selatan. Ibu negerinya ialah Conakry. -- BERNAMA

AFY NAK